

Hamba seks lelaki Ghana

H-M 23/12/08 M/S 4

KUALA LUMPUR: Helah seorang lelaki warga Afrika untuk membantu seorang wanita dengan membawanya keluar dari rumah kebajikan cuma perangkap semata-mata apabila mangsa dikurung dan dijadikan hamba seks selama seminggu.

Wanita berusia 34 tahun yang tinggal di rumah kebajikan di sini, mengenali lelaki terbabit sebelum meninggalkan tempat itu dengan rela hati selepas suspek berjanji membantunya untuk memulakan hidup baru termasuk mencarikan pekerjaan.

Sejurus dibawa keluar pada 7 Disember lalu, lelaki

warga Ghana berusia 30 tahun itu membawa mangsa ke sebuah apartmen di Kepong untuk tinggal sementara dengannya sehingga mendapat pekerjaan tetap dan rumah lain.

Menurut sumber, mangsa mendakwa lelaki berkenaan berkelakuan baik hanya seminggu sebelum mula menunjukkan belang apabila memaksanya masuk ke dalam bilik dan merogolnya.

Difahamkan, sepanjang dikurung, wanita itu tidak dapat berhubung dengan sesiapa untuk meminta bantuan kerana telefon bimbitnya dirampas dan biliknya dikunci setiap masa.

Malah, mangsa mendakwa

terpaksa berlapar sehingga lelaki terbabit pulang ke rumah membawa makanan.

Sumber itu berkata, mangsa mendakwa tinggal di rumah itu dan diperlakukan seperti hamba seks apabila dirogol enam kali sepanjang seminggu dikurung.

"Sepanjang tempoh itu, mangsa sentiasa berada dalam ketakutan dan tidak berani membantah kerana khuatir dibelasah kerana tubuh suspek yang sasa," katanya.

Namun, pada Sabtu lalu, mangsa yang sudah tidak tahan dengan nasib malangnya yang dikurung dan dirogol itu memberitahu lelaki berkenaan untuk keluar

daripada rumah itu.

"Lelaki terbabit membela-sahnya dan ketika bergelut untuk melepaskan diri, wanita terbabit mendapat pisau sebelum mempertahankan dirinya.

"Mangsa juga mendapat telefon bimbit sebelum menghubungi polis untuk meminta bantuan," katanya.

Menurutnya, sepasukan polis menyerbu rumah suspek dan berlaku pergelutan sebelum menahan lelaki itu.

"Pemeriksaan lanjut yang dilakukan mendapati tiada dokumen perjalanan sah dan lelaki terbabit ditahan untuk membantu siasatan," katanya.